

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10709**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan dipaksa oleh Kerajaan China untuk mengembalikan sebelas Uighur yang melarikan diri dari Thailand ke Malaysia untuk kembali ke China. Adakah Kerajaan pasti sebelas Uighur yang akan dihantar pulang ke China ini tidak akan mempunyai sebarang ancaman terhadap keselamatan mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak dipaksa oleh Republik Rakyat China (RRC) untuk mengembalikan 11 orang etnik Uighur yang melarikan diri dari Thailand ke Malaysia untuk dihantar semula ke negara tersebut. Kerajaan Thailand juga telah mengemukakan permohonan supaya semua tahanan berkenaan diserahkan semula kepada mereka.

Pada 5 Januari 2018, seramai 11 orang etnik Uighur yang melarikan diri dari Pusat Tahanan Imigresen Sadao, Thailand telah ditangkap oleh anggota keselamatan Malaysia atas kesalahan Seksyen 26A di bawah Akta Anti Pamerdagangan Orang & Anti Penyeludupan Migran 2017 Prosedur Siasatan Seksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 kerana menyeludup migran. Kesemua 11 orang etnik Uighur telah dibebaskan selepas tempoh reman 28 hari dan ditangkap semula pada 31 Januari 2018 di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai pas atau permit yang sah untuk tinggal di Malaysia.

Kes perbicaraan telah bermula pada 13 Febuari 2018 di Mahkamah Sesyen Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sebutan semula kes akan dibacakan pada 15 Mac 2018 di mahkamah sama kerana pihak peguambela mahu menyediakan jurubahasa kepada tertuduh.